

13 NOV 1998

APEC-BERITA-RAFIDAH/I

RAFIDAH MAHU KRISIS ASIA DISELESAIKAN SEGERA

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini berkata bahawa adalah penting krisis kewangan dan ekonomi Asia diselesaikan secepat mungkin kerana ia telahpun merebak ke bahagian-bahagian lain di dunia.

"Sudah tentu kegawatan ekonomi sekarang akan memberi kesan kepada perdagangan intra-Apec dan perdagangan ekonomi-ekonomi Apec dengan negara-negara lain," katanya dalam ucapan selamat datangnya pada pembukaan Pesta Perdagangan Antarabangsa Apec di sini.

Pesta empat hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Rafidah berkata bagi perdagangan eksport intra-Apec sahaja, krisis itu telah menyebabkan angka eksport bertumbuh sedikit sahaja pada tahun 1997 kepada AS\$1.755 bilion daripada AS\$1.741 bilion tahun 1996.

"Sementara kepimpinan dalam ekonomi-ekonomi Apec dijangka akan mengemukakan arah tuju yang perlu bagi mencapai penyelesaian kepada krisis itu, masyarakat perniagaan perlu terus berusaha mendapat faedah sepenuhnya daripada potensi-potensi ekonomi Apec.

"Dalam konteks ini, acara-acara tahunan seperti pesta ini boleh menjadi satu cara untuk membina peluang-peluang perdagangan dan pelaburan dalam rantau Apec sendiri dan memperluaskan destinasi pasaran masyarakat perniagaan Apec," katanya.

Rafidah berkata beliau gembira kerana semua ekonomi Apec mengambil bahagian dalam pesta perdagangan itu dengan 4,261 meter sepadu kawasan pameran diambil sebanyak 347 syarikat.

Malahan, tiga anggota baru Apec menyertai pesta itu dengan Russia diwakili oleh 53 syarikat, Peru 25 dan Vietnam 5, katanya.

Pesta itu dianjurkan oleh kerajaan Malaysia melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysian (MATRADE).

Ia diselenggarakan oleh FMM Exhibition Services Sdn Bhd dan diurus oleh Reed Exhibitions Sdn Bhd.

Serentak dengan pesta perdagangan itu, MATRADE juga sedang menganjurkan Forum Perniagaan Apec Business Forum bagi membolehkan para peserta berpeluang mewujudkan rangkaian perniagaan dan membentuk usahasama, kata Rafidah.

--BERNAMA

AD AAM WAT